




## UNIT PERANCANG EKONOMI, JABATAN PERDANA MENTERI

### KENYATAAN TENDER PERUNDING

Tender ini terbuka kepada firma perunding tempatan yang layak dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang seperti di bawah untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan berikut;

BIL	BUTIR-BUTIR TENDER	SYARAT PENYERTAAN TENDER	BUTIRAN PENDAFTARAN TENDER	TARIKH DAN WAKTU DOKUMEN PELAWAAN DIJUAL	TEMPAT DOKUMEN PELAWAAN DIJUAL	TEMPAT, TARIKH DAN WAKTU TENDER DITUTUP
1.	No. Tender: EPU(BSM).T(P).2/2022  KAJIAN PEMBANGUNAN PELAN TRANSFORMASI UNIT PERANCANG EKONOMI, JABATAN PERDANA MENTERI	Berdaftar dengan:  i) Kementerian Kewangan Malaysia  Kod Bidang :  340101 (Kajian Organisasi),  340106 (Kajian Sumber Manusia),  340602 (Perancangan Strategik ICT (ISP)),  340603 (Kajian Pengurusan Infrastruktur ICT),  340604 (Kajian Pengurusan Keselamatan ICT)  DAN  340605 (Kajian Pengurusan Maklumat ICT).	Perunding <b>DIWAJIBKAN</b> untuk membuat pendaftaran dalam talian di <i>link</i> seperti di bawah :  <a href="https://forms.gle/D81RZwYwUFvqEBmp9">https://forms.gle/D81RZwYwUFvqEBmp9</a>    ATAU  Scan Kod QR  Tarikh Pendaftaran : 23 Jun 2022  Masa Pendaftaran : 9.00 pagi - 1.00 tengah hari  *Emel keputusan pendaftaran akan dihantar kepada perunding pada <u>24 Jun 2022</u>	Tarikh Dijual :  27 Jun 2022 hingga 11 Julai 2022  Waktu: 9.00 Pagi - 12.30 Tengah Hari 2.30 - 4.00 Petang (Isnin - Khamis)  9.00 - 11.00 Pagi 3.00 - 4.00 Petang (Jumaat)	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan Unit Perancang Ekonomi Aras 7, Menara Prisma No. 26 Persiaran Perdana Presint 3 62675 PUTRAJAYA.  Harga Dokumen (Dokumen dijual dalam bentuk <i>soft copy</i> ) : RM 10.00	Tarikh Tutup :  19 Julai 2022  Waktu : 12.00 tengah hari  Tempat : Peti Tender 1 Unit Perancang Ekonomi Aras Bawah (Ground Floor) Menara Prisma No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3 62675 PUTRAJAYA.

1. Perunding yang ingin menyertai tender ini hendaklah berdaftar dengan syarat yang tersebut di atas dan naskah meja tawaran boleh disemak di **Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Aras 7, Menara Prisma, No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 PUTRAJAYA** pada waktu pejabat.
2. Perunding **DIWAJIBKAN** untuk mendaftar secara dalam talian bagi proses semakan kelayakan menyertai tender. Satu syarikat hanya dibenarkan untuk membuat **satu pendaftaran sahaja**. Pendaftaran hanya akan dibuka seperti tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas.
3. Firma perunding yang layak sahaja dibenarkan untuk membeli Dokumen Pelawaan. Firma perunding yang memenuhi syarat kelayakan tender seperti di atas sahaja akan dipelawa melalui emel ke alamat emel yang didaftarkan dalam borang pendaftaran secara dalam talian. Perunding dikehendaki untuk mencetak emel tersebut sebagai bukti untuk dikemukakan kepada Pegawai yang bertugas di kaunter bagi tujuan pembelian Dokumen Pelawaan.
4. Hanya penama yang ditauliahkan sijil pendaftaran seperti dalam syarat penyertaan tender sahaja dibenarkan untuk membeli Dokumen Pelawaan. Sila bawa bersama **sijil pendaftaran asal** seperti di syarat penyertaan tender **berserta salinan-salinannya**. (salinan sijil dan dokumen-dokumen sokongan yang disertakan tidak akan dikembalikan) dan emel keputusan pendaftaran dalam talian yang dicetak untuk pembelian Dokumen Pelawaan.
5. Perunding yang ingin memasuki tawaran dikehendaki mengemukakan **Kiriman Wang (Money Order)/ Bank Draf/ Wang Pos** berharga seperti di atas yang dibuat atas nama **AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA – JPM – T** sebagai bayaran Dokumen Pelawaan (Dokumen dijual dalam bentuk *soft copy*). Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai atau cek tidak akan diterima.
6. Dokumen Pelawaan tidak akan dikeluarkan selepas tempoh tersebut di atas.
7. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan Kementerian tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar melalui Pos atau Kurier.
8. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri dan **ditandakan “Cadangan Teknikal” dan “Cadangan Kos”** di **sebelah kiri setiap sampul surat** berkenaan dan dialamatkan kepada :-

**KETUA PENGARAH  
UNIT PERANCANG EKONOMI  
ARAS 7, MENARA PRISMA  
NO. 26 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 3  
62675 PUTRAJAYA  
(U.P: BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN KEWANGAN)**